


i

i ð e a l o g y

J U R N A L S E N I & B U D A Y A I N D O N E S I A

- M A L A Y S I A

© 2016



i ð e a l o g y

J U R N A L
S E N I & B U D A Y A

I N D O N E S I A
M A L A Y S I A

I N S T I T U T S E N I B U D A Y A I N D O N E S I A
/ I S B I B A N D U R G
U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A C A W A N G A N P E R A K
/ U I T M M A L A Y S I A

E D I T O R

D r . A N D A N G I S K A N D A R , S . P d . , M . D s
D r . M U H A M A D A B D U L A Z I Z A B G A N I

SUATU FENOMENA VISUAL, SEBUAH APRESIASI

IZADDIN MATRAHAH

FACULTY OF ART AND DESIGN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
SERI ISKANDAR CAMPUS,
SERI ISKANDAR, 32610,
PERAK, MALAYSIA

P. RAMLEE

Bagi merealisasikan suatu bentuk penulisan tentang seorang insan yang digelar Tan Sri P. Ramlee merupakan suatu penghormatan bagi diri saya dan setiap individu yang amat meminati beliau.

P. Ramlee merupakan seorang seni agung di mana kerjaya seninya berlangsung selama 26 tahun dari tahun 1947 hingga beliau menghembuskan nafas terakhir beliau pada 1973.

Fenomena istimewanya bukan sahaja sebagai seorang pelakon tetapi muncul sebagai seorang pengarah, penyanyi, penulis lagu, komposer dan produser. Sepanjang penglibatannya dalam seni lakonan, bukan sahaja berlakon malah mengarah sebanyak 66 buah filem dan menghasilkan sebanyak 360 buah lagu. Keindahan lakonan beliau sama ada berbentuk serius atau bersifat komedi akan sentiasa bermain di dalam ingatan setiap individu malah pada anak-anak kecil boleh tertarik kepada wajah filem-filem beliau seperti Labu-Labi atau Tiga Abdul walaupun ianya ditayangkan di dalam bentuk hitam putih.

Ini tidak menghairankan jika diteliti pengaruh filem yang beliau terima datang dari pengarah-pengarah filem Asia yang hebat seperti Satyajit Ray (India) dan juga pengarah tersohor dunia iaitu Akira Kurosawa (Jepun). Sebagai seorang pengkarya seperti mana seorang pelukis dan pengarca menerima pengaruh dan melestarikannya dalam kreasi setiap individu seni merupakan suatu tetanda tentang peningkatan proses kreativitinya.

**Haji A. Aziz Deraman pernah membuat
penyataan dalam satu wawancara,
Allahyarham Tan Sri P. Ramlee pernah
mengatakan bahawa kalau bangsa kita
diserapkan penuh dengan seni yang baik,
maka seni lain yang datang adalah
seperti sampah.**

Kerisauan yang perlu direnungkan di sini iaitu bangsa kita ditakuti "kosong" dalam semua bidang kesenian. Aziz menegaskan seperti P. Ramlee iaitu kita memerlukan kelompok tertentu untuk membawa fahaman kita serta teknologi mencipta sesuatu yang berakar pada tradisi pemikiran kita. Persaingan mewujudkan satu taraf pemikiran penciptaan yang lahir dari pada bimbingan, bukan datang dengan sendiri.

Perubahan juga berlaku dari segi teknologi, apabila sesuatu keperluan timbul, kreativiti juga timbul sesuai pada masanya. Misalnya, tidak mungkin pelajar peringkat rendah memahami Hikayat Hang Tuah, tetapi tidak pula bermakna hikayat tersebut tidak boleh diajar di peringkat rendah. Kita boleh melakukannya melalui komik malah animasi misalnya; watak dicipta dan dikembangkan.

Keserasian ini berlaku hanya seketika sewaktu P. Ramlee melakukan proses perfileman melalui perkahwinan teknologi dengan isi cerita tempatan misalnya Hang Tuah (1956), filem warna pertama Melayu (dirakam dengan Eastman Color) hingga kita berasa sangat seronok.

S. Roomai Nor menulis dalam kertas kerjanya bertajuk Filem Sebagai Penyata Kebudayaan Kebangsaan (1971), menyatakan dengan begitu banyaknya kemasukan filem-filem asing di Malaysia, maka semakin terasalah bagaimana amat pentingnya filem Malaysia itu harus diperkembangkan dengan pesat sebagai alat kebudayaan. Kita bersama-sama dapat merasakan bahawa filem-filem asing itu akan tetap melahirkan aspek kebudayaan asing pula dan hal ini amat mempengaruhi, malahan sampai merosakkan kebudayaan kita sendiri.

Oleh yang demikian, tidaklah boleh kita hanya menganggap filem untuk hiburan semata-mata, malah kita harus mempunyai kesedaran bahawa filem adalah satu-satunya penyata bagi perpaduan kebudayaan kebangsaan kita. P. Ramlee memberi pandangan "apa juga mesej atau nilai media yang ingin disampaikan perlu disampaikan tanpa paksaan, kita sentiasa berhati-hati dengan motif tersebut. Dialog yang diberi pada pelakon hendaklah tidak terlalu panjang tetapi mesti tepat dan mudah." Dari sudut semiotik apa yang dikemukakan di atas sebenarnya dapat kita hubungkan dengan proses kognisi yang digambarkan.

Proses kognisi bermula daripada penangkapan realiti yang dalam fikiran manusia berbentuk persepsi yang merupakan hasil tanggapan melalui sistem saraf kita. Melalui proses abstraksi, abstraction of attributes, dan kemudian proses pengkategorian, categorization, maka sampailah proses itu pada pembentukan konsep atau concept formation. Ini adalah suatu pandangan dari segi antropologi kognitif yang menyebut proses kognisi itu sebagai peristiwa mental, yang dikaitkan dengan perilaku manusia.

Ditinjau dari segi manusianya sendiri, proses semiosis (apabila suatu tanda berfungsi sebagai tanda) yang berlanjutan itu tentunya tidak sama panjangnya pada setiap orang. Hal ini merupakan suatu kontinum yang bergerak dari pengaruh prinsip-prinsip supra-individual dan kekuasaan manusia itu dalam mempertahankan autonominya terhadap prinsip-prinsip itu dalam kehidupan bermasyarakat. Dengan demikian, makin besar autonomi pada seseorang, makin panjang kemungkinan berlanjutnya proses semiosis.

"Apa sahaja yang cari atau cipta tidak semestinya ianya yang terlintas dalam fikiran dan terus menulis. Kita mesti terus mencari dan berfikir untuk mencari sesuatu yang baru dan unik." (Tan Sri P. Ramlee, falsafahnya tentang proses pembikinan filem).

Sebagai contoh, kita cuba aplikasikan teori semiotik terhadap teks Patriarch karya Shahnon Ahmad dan melihat beberapa sifat simbol yang terdapat dalam teks ini. 'Dia' melambangkan sebagai manusia yang diibaratkan sebagai sungai. Sungai pula adalah air yang bermula dari satu titik yang akhirnya menuju ke samudera.

Apa yang dilambangkan oleh pengarang dengan 'Dia' adalah sebagai seorang pemimpin yang akan membawa kesejahteraan kepada orang lain kerana sifat seorang pemimpin membantu segala kepayahan rakyatnya.

'Sungai' melambangkan air yang banyak faedah dan kegunaannya. Dari setitik air, ia dapat digunakan untuk pelbagai tujuan. Air dan sungai ini melambangkan kuasa yang ada pada diri seseorang, dalam novel ini dimaksudkan sebagai pemimpin.

Perkembangan dari sesuatu kebudayaan itu sentiasa ditentukan oleh faktor-faktor ilmiah dan budaya. Kebudayaan Malaysia pada umumnya lebih banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor ilmiah dari faktor budaya/kultural. S. Roomai Nor menyatakan lagi dengan tidak disedari filem itu menjadi alat yang utama dalam mengembangkan cita-cita kebudayaan dan kesenian seluruh bangsa, maka sekarang ini yang terbanyak diedarkan ialah filem cerita yang bersifat hiburan, akan tetapi kalau kita teliti dengan benar-benar filem hiburan biasanya juga mengandungi unsur-unsur pendidikan, penerangan, kesenian dan kebudayaan.

Walaupun ada orang yang mengatakan bahawa filem itu seperti menjadi pengisi waktu khasnya bagi mereka yang buta huruf, tetapi filem-filem itu tidak melupakan dirinya sebagai alat pendidikan umum, sebagai alat untuk mendidik rakyat, perlu untuk peningkatan kecerdasan yang layak bagi sesuatu bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Apa yang mereka tonton di dalam filem tentu lebih terasa, lebih meresap dan lebih teringat daripada apa yang dapat dibaca dan didengar. Apa yang penting, selain dari mencerminkan budaya Malaysia ialah menghasilkan isi ceritanya, maka dengan itu para penerbit filem haruslah bersungguh-sungguh mendapatkan cerita-cerita yang menarik dan disukai ramai, maka tidak sia-sialah penerbitan cerita dijalankan, tambah beliau.

Beliau juga menyarankan peningkatan dari segi teknik penggambaran dan suara. Kedua-dua teknik ini haruslah dipersatukan dengan ceritanya agar memberi lebih kesan dan lebih terasa oleh pihak penonton, misalnya seperti berikut:

1. Sebagai menggerak perasaan para penonton, cahaya yang diberi bagi sesuatu penggambaran, umpamanya perasaan sedih, gembira, seram, takut, marah dan sebagainya adalah mengikut teknik penggambarannya tersendiri. Ini akan dilahirkan oleh jurukamera penerbitan itu.

Di samping itu pula, diperkuatkan oleh latar belakang muziknya. Ilustrasi muzik yang sesuai dengan suasana-suasana penggambaran yakni penggubahan muzik yang menunjukkan keadaan suasana tempat atau waktu, seperti suasana dalam peperangan, pergaduhan, di dalam bandaraya atau di tengah hutan, di waktu pagi, di tengah malam yang sepi atau senjakala.

2. Senikata di dalam sesebuah filem berupa perkataan-perkataan yang diucapkan dan yang dapat pula dipecah dalam tiga bahagian:

- a. Kata-kata pengiring atau komentar, yakni perkataan yang membantu menerangkan suasana gambar yang dilihat.
- b. Kata-kata penjelasan atau narration, yakni perkataan-perkataan yang menegaskan suasana sesuatu.
- c. Kata-kata ucapan atau senikata (dialogue), yakni perkataan-perkataan yang membantu penegasan jalannya cerita.

P. Ramlee sendiri apabila menulis sesuatu cerita, akan cuba membayangkan (visualise) seseorang pelakon untuk sesuatu watak yang baginya sesuai untuk watak tersebut. Selepas melihatnya berlaku di dalam minda, dia boleh menyiapkan cerita tersebut berdasarkan si fulan yang dibayangkan akan melakonkan watak dalam cerita tersebut.

Ini agaknya mengapa tema filem-filem P. Ramlee menarik dan tidak stereotype. Misalnya, kisah kecerdikan kanak-kanak boleh dilihat menerusi Nujum Pak Belalang, lakonan Bat Latiff, menyentuh soal hukum Islam dalam Semerah Padi, manakala filem Ibu Mertuaku, memfokus karakter orang tua, Nyonya Mansur yang kering hatinya, lakonan Mak Dara.

Pengajaran dan narasi simbolik sentiasa berkitar di dalam filem-filem beliau dan ini membuatkan ramai pengkarya - pengkarya terutamanya pengkarya muda tertarik untuk mengupas dan mengolah karya-karya visual beliau. Tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan. Itulah dia sentuhan emas P. Ramlee.

Unsur Naratif dalam Seni Rupa Kontemporari bagi menghayati Getaran Jiwa P. Ramlee

Jim Supangkat, dalam tulisannya, "Narasi dalam Ungkapan Seni Rupa", pengantar pameran bertajuk "Modernitas Indonesia dalam Representasi Seni Rupa" (1999; 80) mengatakan bahawa salah satu gejala dari karya-karya naratif adalah susunan elemen-elemen rupa yang sentiasa pelbagai. Pendapat ini bagi beliau mudah difahami kerana sebuah cerita memang merupakan struktur yang dibangun dengan pelbagai elemen. Dalam sastera, cerita adalah rangkaian peristiwa yang terbentuk kerana berbagai-bagai elemen itu. Peristiwa itu sendiri merupakan hakikat dari cerita.

Namun, tambahnya lagi, identifikasi cerita dalam seni rupa/halus tidak akan selesai dengan hanya menyatakan adanya susunan elemen-elemen rupa yang pelbagai. Hal yang penting dalam imajan seperti di dalam filem atau karya seni rupa ialah bagaimana elemen itu saling boleh kaitkan antara satu sama lain untuk membangun struktur naratifnya.

Tanpa adanya hubungkait tidak akan terbentuk cerita dalam apa juga bentuk proses yang cuba dihadirkan oleh pengkarya.

Dalam Pameran Getaran Jiwa P. Ramlee, kebanyakan karya yang dipamerkan adalah bersifat potraiture dan imej pegun (stills) yang berkaitan dengan filem-filem beliau. Penyertaan para karyawan yang agak memberangsangkan iaitu hampir atau lebih dari 50 penyertaan menunjukkan imajan P. Ramlee mencetuskan minat khalayak untuk menghayati beliau. Penglibatan artis profesional hinggalah ke peringkat amatur memperlihatkan ramai antaranya golongan muda yang masih teruja dan mengambil inspirasi dari populariti beliau.

Keberkesanan lakonan merupakan formula utama P. Ramlee berkarya dan dalam arahannya beliau pernah menyatakan, "Di dalam studio hanya beberapa mata yang memerhatikan kamu berlakon, tetapi di dalam filem beribu mata akan menilai lakonan tersebut. Oleh itu, berlakon itu bukan sesuatu yang patut dibuat secara bermain-main atau sekadar sambil lewa (mediocrity)."

Mengambil pengajaran dari kata-kata beliau, pada pandangan saya semua bentuk kesenian terutamanya yang berkaitan seni rupa perlu dilakukan dengan penuh ketekunan dan berpengetahuan. Penilaian khalayak terhadap setiap hasil kerja karyawan adalah suatu bentuk penanda aras perkembangan seni rupa tempatan. Kewajiban individu yang meminati bidang kesenian perlu disulami dengan komitmen yang jitu untuk menghasilkan kerja seni yang terbaik. Pendedahan mengetengahkan subjek P. Ramlee sebagai ikon kebangsaan adalah peluang bagi setiap pengkarya untuk memahirkan diri dan pendedahan bagi yang baru untuk berkecimpung dalam bidang seni rupa.

Badrolhisham Mohamad Tahir dalam artikelnya yang bertajuk Polemik Senilukis Malaysia membicarakan suatu analisis kritikal tentang ideologi seni kini yang berkaitan dengan tradisi. Beliau menulis tentang kefahaman seni lukis konservatif baru ditandai oleh pemilikan sejarah, lama atau baru, sesuatu mod dan gaya yang dijadikan alat dan dikitar semula.

Penggunaan rujukan "bentukan" sejarah silam untuk sesuatu ruang kebiasaan bererti tradisi harus kekal menghiasi ruang bagi menafikan perubahan pola kehidupan. Penampilan fakta melalui dodoian cerita berperantaraan imej mewujudkan tanda yang memperlihatkan fungsi pelukis - arkitek sosial, menjadi tanda tanya. Tanda tanya ini menimbulkan polemik antara kesan perlakuan seni dengan fakta tradisi yang tersedia terhadap sensibiliti objek seni di tengah-tengah masyarakat.

Tambah beliau, tradisi kini tidak lagi melihat bentuk sebagai sesuatu yang memberi kontigensi dari segi bentuk, warna dan bahan yang hanya berfungsi sebagai objek budaya yang nilai estetikanya yang menjadi penentu nilai, malah hal ini dianggap sebagai mitos kehidupan kontemporari yang mengingini makna pengucapan.

Titik tolak harus bermula daripada kenyataan Syed Ahmad Jamal. "Seni lukis Malaysia bermula dari sekarang" sebagai faktor pemisah. Frasa "bermula-sekarang" adalah penegasan masa;....bermula..." mengisyaratkan pergerakan, "...sekarang" waktu kini bukan sebelumnya. Lalu satu anjuran pentradision yang bersifat baru perlu dibina. Jadi apakah dan bagaimanakan klisenya? Untuk tujuan kualiti klise ini, Jenny Holzer menyarankan karyawan perlu muncul dengan sesuatu yang baru.

Dalam konteks pasca moden, wajah P. Ramlee turut mengalami urutan perubahan yang sama. Bukan dari penerimaan hasil-hasil karya beliau, tetapi interpretasi yang menjurus ke alam siber, alam 'automaton' dan elektronik. Dunia pasca moden yang dimaksudkan ini ialah alam simulasi atau istilah yang digunakan oleh Jean Baudrillard iaitu simulacrum iaitu -- objek-objek yang tidak mempunyai referensi realiti sosial, objek-objek yang dibuat di atas kerangka meleburnya realiti dengan fantasi, fiksi, halusinasi dan nostalgia, sehingga perbezaan di antara sesamanya adalah sulit dibezakan. Dalam penulisannya The Orders of Simulation, Baudrillard menunjukkan bahawa masyarakat masa kini berada di bawah dominasi media elektronik.

Dalam satu artikelnya yang lain, "The Ecstasy of Communication" dia menyatakan pendapatnya:

"with the television image - the television being the ultimate and perfect object for his new era - our body and the whole surrounding universal become a control screen."

Bayangan wacana pasca modenisme yang dimaksudkan di sini ialah wacana simulasi dan estetika hiper-realistic. Di dalam masyarakat pasca industri, perkembangan teknologi produksi telah mencapai generasi ketiga iaitu teknologi yang digerakkan oleh micro-chips, remote control, command-model, memory bank.

Baudrillard telah menyebutkannya sebagai gejala simulasi. Istilah simulasi digunakan Baudrillard untuk menjelaskan model produksi seni dan budaya media di dalam masyarakat konsumen. Sebuah masyarakat konsumen seperti yang diperlazimkan oleh undang-undangnya menuntut diferensi, trend, fesyen dan perubahan. Kesemuanya itu pula mengalami perubahan terus-menerus dan saling peraga-memperaga supaya perubahan itu mendapat dinikmati oleh masyarakat konsumen.

Tegasnya bahawa kini yang diproduksikan adalah melalui simulasi bukan lagi realiti, melainkan fantasi, nostalgia, halusinasi, mimpi atau impian. Simulasi tidak berurusan dengan penduaan sesuatu wacana tetapi menerbitkannya dalam bentuk pelbagai. Ertinya tidak ada lagi duplikasi atau replika sebaliknya adalah keanekaragaman.

Media massa sudah menjadi gergasi yang menguasai pemikiran dan budaya manusia sehingga munculnya prasangka abnormaliti terhadap kekuasaan tersebut. Sifat-sifat tontonan, kesenangan dan ekstase (ecstasy) yang melekat pada eksistensi dan fizikal media massa dan komoditinya dikatakan telah mengendurkan nilai dan makna moraliti dan mitologisme.

Di saat abad ke-21 inilah kita dapat melihat suatu ketahanan elemen visual yang utuh iaitu filem-filem Tan Sri P. Ramlee. Filem-filem beliau di dalam pelbagai genre di mana terkandung elemen sejarah, pengajaran, moral, komedi dan mitos masih mendapat perhatian ramai. Kadang kala jika diteliti filem beliau sama ada dari close-up shots atau semasa watak-watak berbicara, mimik muka yang bersahaja menyingkap seribu makna dan menyentuh perasaan audien sama ada sedih atau gembira. Memori perwatakan inilah yang telah banyak memberi kesan kepada para peminat hingga kini.

Abad ke-21, P. Ramlee still rules! Nuansa P. Ramlee boleh menjadi stimulus pada semua pengkarya tempatan agar menjadikan setiap usaha yang dilakukan adalah terancang dan menarik, inilah usaha yang paling mudah untuk mencapai tahap yang seakan keabadian dan kemurnian dalam setiap karya yang dihasilkan oleh semua jenis penggiat seni. P. Ramlee sendiri berpendirian bahawasanya, seni itu dari ciptaan Ilahi maka lakukannya sejujur mungkin. Keberkatan dan kejujuran beliau boleh dilihat sekarang kerana semua ciptaannya berjaya merentas usia dan zaman.

Memerhati dan meneliti antara beberapa karya yang menyertai pameran Getaran Jiwa, saya cuba membuat kesimpulan tentang penggunaan bahan dan teknik serta ideasi watak pembentukan imej yang diterbitkan melalui pengalaman-pengalaman tersendiri para pengkarya. Teknik amat penting untuk merealisasikan sesebuah karya.

Sama ada ianya mengutamakan pengendalian bahan tertentu seperti cat minyak, cat air, akrilik dan sebagainya, atau penggunaan teknik bahan campuran dan 'image transfer' seperti kaedah fotografi dan montaj, sutera saring (silk screen) atau etching (gurisan asid) semuanya memerlukan penelitian dan eksperimentasi.

Teknik realisme yang dipertengahkan oleh Abdul Latif Maulan, karyanya yang bertajuk "Jenaka di Sebalik Tabir" (cat minyak), "Sarjan Hassan", karya Ramli Salleh (akrilik), Najib Ahmad dengan karya bertajuk "Malaysian Legend - P. Ramlee", menggunakan bahan charcoal (arang lukisan) di atas kanvas, sebagai contoh memperlihatkan bagaimana para artis menafsirkan erti realisme imej melalui kecekapan pengendalian bahan kegemaran masing-masing.

Dari segi definisi realisme yang membawa kepada perkataan-perkataan dan erti-erti real, realiti dan realisme. Yang real bererti yang aktual atau yang ada; kata tersebut menunjuk kepada benda-benda atau kejadian-kejadian yang sungguh-sungguh, ertinya yang bukan sekadar khayalan atau apa yang ada dalam fikiran kita. Real menunjukkan apa yang ada. Realiti adalah keadaan atau sifat benda yang real atau yang ada; yakni bertentangan dengan yang hanya nampak. Dalam erti, umum, realisme bererti kepatuhan kepada fakta, kepada apa yang terjadi, jadi bukan kepada yang diharapkan atau yang diinginkan.

Dalam proses pengkaryaan kemahiran (skill) menjadi fakta utama mewujudkan subjek pilihan diterbitkan lagi dengan minat dan kesungguhan menilai subjek. Fakta minat dan konsentrasi penuh telah menghasilkan aura yang sempurna yang secara di bawah sedar menarik audien untuk menyempurnakan lagi penghayatan imej tersebut.

Karya-karya bersifat potraiture misalnya seperti hasil karya Azaikmal Ahmad Rashid (Lagenda P. Ramlee - cat minyak) dan Mior Rizzuan Rosli (Semerah Padi -- charcoal powder atas kertas) cuba juga menghasilkan kesan realisme ke atas perwatakan P. Ramlee melalui bahan yang berbeza. Bahantara yang digunakan kadang kala mendatangkan kesan pengamatan yang berbeza terutamanya pada karya-karya potret. Potret bermaksud interpretasi cerminan sesuatu wajah atau peribadi melalui perwatakan 'body language'. P. Ramlee sebagai ikon agung cuba disempurnakan dengan pelbagai cara terutama dari segi perwatakan wajahnya yang lembut dan sofistikated (ranggi).

Malah ramai antara peserta pameran telah memilih ekspresi wajah beliau sebagai elemen representasi idea berbanding dengan bahan subjek yang lain. Malah ada yang lebih kreatif misalnya karya Abdul Rashid bin Abdul Razak yang mengeksplorasi watak-watak dalam filem-filem beliau bersama elemen potret beliau dan dipersembahkan dalam penyusunan komposisi yang lebih dinamik dan bertenaga.

Karya Muhamad bin Jusoh bersifat proaktif pula kerana eksplorasi beliau melalui teknik titik batik yang bertajuk Seniman Agung P. Ramlee. Teknik yang unik membawa hasil yang unik. Karya Razali Itam menggambarkan wajah dua generasi bapa (P. Ramlee) dan anak iaitu Nasir P. Ramlee melalui karyanya yang berjudul Anak Bapak sempena salah satu filem beliau yang mashyur.

Penggunaan elemen teks sebagai penceritaan dibantu dengan teknik mixed media boleh dilihat misalnya melalui karya Baira Rahman (I want Haji Bakhil and Tonic) dan Nazmi Ismail (Lagu untuk Sazali). Penggunaan unsur tersebut telah berjaya mengingatkan kembali elemen-elemen nostalgia dan komedi yang diterbitkan oleh dialog-dialog dalam filem beliau dan kadang kala terkandung unsur-unsur nasihat dan fantasi. Di sini membuktikan bagaimana unsur dialog di dalam skrip filemnya meninggalkan impak yang tinggi walaupun diterjemahkan dalam bentuk lukisan 2 dimensi.

Penggunaan teknik bahan campuran yang berkesan juga boleh dilihat di dalam karya Ayu Faizura Zakaria bertajuk "Ala Kasim" dan foto Haji Mohamad Aris bin Atan bertajuk "Di Manakan Ku Cari Ganti". Uniknya karya Haji Mohamad Aris Atan seorang pelukis khat di mana beliau menyatakan bahawa foto ini telah dirakamkan semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Orang Ramai Kampung Baru pada tahun 1964 anjuran Persatuan Ikatan Seni Budi Kuala Lumpur dan Tan Sri P. Ramlee adalah undangan istimewa di majlis tersebut.

Karya Wan Ahmad Ngah bertajuk Malam Bulan Di Pagar Bintang menyaksikan Tan Sri P. Ramlee digelar seniman agung dan wira Melayu diapit oleh watak-watak fantasi hero aksi seperti Batman, Superman dan Spiderman.

Watak komedi ekspressif boleh dilihat dari hasil karikatur Mohd Ghazali Abu Samah yang menggambarkan keriangan dan gelagat spontan P. Ramlee. Kebolehan filem beliau yang sepetimana saya nyatakan sebelum ini di mana ianya berjaya merentas zaman dan usia perlu diberi penghormatan yang sewajarnya. "Reality" yang diwujudkan beliau disaduri dengan pelbagai perkaitan yang tersembunyi. 'Worldview' P. Ramlee disulami dengan pelbagai unsur kreatif yang dikaitkan dengan masyarakat menggunakan kelebihan "extrasensory experience" beliau dalam menterjemah bentuk, isi dan ingatan (memory).

Filemnya seperti suatu falsafah seorang guru di mana konsep kefahamannya tidak terhad pada waktu tertentu, budaya, adunan bangsa dan kaum malah bahasa. Perkembangan fesyen dunia, perubahan senario kehidupan seolah-olah memantapkan lagi kesedaran, impian dan refleksi pemikiran beliau dalam setiap jenis lapisan masyarakat, kaum, bangsa dan bahasa. Hasil karya pelukis-pelukis dalam pameran ini membawa visual P. Ramlee ke satu era baru di mana seolah ia telah berkata "Aku ingin hidup seribu tahun lagi".

Ulasan yang diberi walaupun tidak merangkumi semua karya yang ada tetapi jika dilihat dari keseluruhan penyertaan setiap individu mempunyai keunikan yang tersendiri dalam kreasi mereka. Hasil kerja yang baik dan jujur boleh menambat hati khalayak. Usaha dan dedikasi untuk menjayakan pameran Getaran Jiwa ini perlu ada bagi kedua belah pihak pengkarya dan juga Balai Seni Lukis Negara.

Penganjuran yang bertema Tan Sri P. Ramlee boleh diperkembangkan lagi dari tahun ke tahun untuk memastikan lebih ramai penyertaan boleh dibuka dan topik apresiasi mengenai beliau harap diperhalusi atau dikaji. Penyimpan dan perakam sejarah iaitu ikon dan penghayat ikon boleh membantu dalam aspek peningkatan seni visual tanah air dan tempatan jika aktiviti pameran diselitkan dengan wacana ilmiah atau unsur akademik sama ada dari aspek seni visual atau perfileman.

Kreasi Kreatif, Penanda Aras Pemikiran dalam Seni

Setiap karya kreatif yang dihasilkan mempunyai sumber nilainya yang tersendiri. Pendirian seseorang pelukis atau pengkarya sentiasa didasari oleh pemikiran, faktor usia, budaya yang dibawa dan tradisi yang dijunjung. Perkembangan seni kontemporari merupakan suatu fenomena asing yang tidak boleh dielak. Pop art, abstract expressionist, conceptual art misalnya merupakan suatu bentuk ekspresif kendiri yang dibawa oleh barat melalui siri kefahaman psikoanalisis dan sosiologi.

Dalam rumusan ini saya ingin cuba mendekatkan para pemikir seni terhadap perlunya pertimbangan yang wajar dalam memperkembangkan seni tanah air, baik ianya bersifat komersil, eksperimental, berbentuk sepenuhnya artistik atau karya bersifat polemik perlu membantu masyarakat berminat untuk belajar mengenali seni malah jika mampu mengenalkan sejarah perkembangannya sama ada moden atau tradisi.

Seni rupa Malaysia telah melalui beberapa fasa perkembangan seni dari modenisme (surrealism, constructivism, abstract expressionism) hingga kepada pasca posmodernisme (conceptual art, hyper realism dan new media) yang ianya telah dirakam dan disaksikan oleh Balai Seni Lukis Negara. Balai Seni Lukis Negara sebagai sebuah arkib kesenian telah menyimpan banyak sejarah perubahan seni tempatan dan di antaranya adalah pameran Getaran Jiwa P. Ramlee ini yang kemungkinan suatu hari nanti akan dilihat sebagai suatu bentuk rujukan dalam menilai karya agung seperti P. Ramlee.

"It is in the authenticity of the cultural production of a human being connected to his or her historical moment concretely that the work is experienced as real.... It is not that the meaning of a work can transcend its time, but that a work describe the maker's relationship to her or his context through the struggle to make meaning, and in doing so, we get a glimpse of the life of the people who share that meaning." - Joseph Kosuth

Dr. Acep Iwan Saidi dalam bukunya Narasi Simbolik Seni Rupa Kontemporer Indonesia menyatakan; struktur dan pola naratif seni rupa kontemporer antara lain ditandai oleh beberapa ciri, iaitu adanya peristiwa, tokoh dan penokohan, penggunaan ruang (setting), waktu (alur), sudut pandang (point of view) dan pola ucap (vokalisasi).

Ciri lain adalah judul, baik yang menjadi deiksis atau mengidentifikasi secara langsung adanya peristiwa tokoh, setting dan alur maupun perkara-perkara yang secara tidak langsung mengidentifikasi unsur-unsur itu. Beliau menegaskan bahawa ciri-ciri tersebut, unsur peristiwa dan tokoh merupakan bahagian paling penting dalam bentuk narasi (penceritaan). Ertinya bahawa tidak ada narasi jika tiada peristiwa dan tokoh. Di samping itu, beliau menyifatkan bahawa narasi dalam seni rupa tidak sama dengan narasi dalam karya sastera. Hasil analisis menunjukkan bahawa selain dari ada perhubungan antara elemen rupanya, narasi dalam karya rupa terbentuk kerana strategi penyimbolan (simbolisasi) yang dilakukan oleh para karyawan dalam karya mereka.

Dengan strategi ini, narasi yang terbentuk menjadi bersifat simbolik. Jika diperhatikan secara keseluruhan kebanyakan para karyawan memilih sudut pandangan dan pola pengucapan yang berbeza-beza dalam menakrif pelbagai peristiwa dalam realiti kehidupan. Akan tetapi, perkara yang menjadi stimulus setiap diri tidak jauh berbeza yakni persoalan-persoalan kemanusiaan dan kemasyarakatan berkaitan dengan politik, tubuh fizikal, gender, kemiskinan, spiritualiti hingga menyingkap masalah-masalah tradisi dan nilai-nilai tempatan (lokal).

Hadirnya aspek tradisi dan nilai lokal secara bersamaan dengan tanda-tanda peradaban moden dalam karya seni rupa boleh ditafsirkan sebagai sebuah representasi dari posisi para pengkarya itu sendiri. Para karyawan kontemporer berada pada daerah perbatasan, yakni sebuah titik persilangan antara tradisi dan moderniti, antara lokal dan global.

Situasi tarik-menarik antara tradisi versus moderniti dan lokal versus global, menimbulkan konsekuensi logis, yakni para pengkarya itu akan dapat melihat pada kedua arah sekali gus. Cara yang mereka lakukan umumnya ialah kontekstualisasi (contextualise) dan memberi nilai baru atas tradisi dan nilai-nilai lokal tersebut. Dengan begitu, tradisi dan nilai-nilai lokal itu menjadi nyata dan segar.

Penyataan-penyataan tersebut yang saya cuba utarakan adalah sebahagian dari pengetahuan visual yang diperolehi apabila mengamati sikap perubahan yang mungkin akan berlaku apabila pengkarya, pengkritik dan sejarawan mengambil langkah proaktif dalam menyemarakkan lagi konsekuensi logis para karyawan iaitu melalui komentar - komentar positif dan membina. Seni dan masyarakat tidak dapat dipisahkan.

Kewujudan kisah-kisah kemanusiaan dalam filem-filem P. Ramlee membuktikan ketahanan ideanya berkembang dengan penuh kesegaran. Ideasi beliau jika diterap sebagai karyawan contoh perlu untuk mendidik generasi baru. Karya seni bukan sesuatu yang boleh diambil mudah kerana ianya membentuk manusia dan tamadunnya. Dilema yang kita hadapi sekarang ialah membangunkan seni sejajar dengan pembangunan insaniah dan pengetahuan terkini. Lukisan juga bukan hanya sekadar khayalan tetapi merupakan sebahagian elemen keilmuan yang tinggi nilainya jika dihayati dengan sempurna. Sepertimana sajak Baha Zain yang bertajuk "Tindakan".

**Manusia menjadi dan sama
Terbeza atau terasing lewat pandangan
Dari sudut atau khemah persaingan
Lalu apa yang menentukan sejarah
Kecuali tindakan
Dari semangat dan fikiran
Dan bukan impian**

R E F E R E N C E S

Baha Zain, Tiga Catatan Perjalanan, Three Sketches From a Journey translated by Mansor Ahmad Saman, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, p96

Badrolhisham Mohamad Tahir, Polemik Seni Lukis Malaysia, Dewan Budaya, 1998, p13

Dr Acep Iwan Sajdi, Narasi Simbolik Seni Rupa Kontemporer Indonesia, Isacbook, Arts and Culture, Yogyakarta Indonesia, 2008, pp224-320

Gabriel Guercio, 'Necrophilia Mon Amour', quoted from Joseph Kosuth, in Artforum 20, no9 May 1982 pp58-63

Hal Foster, Recordings, Art, Spectacle, Cultural Politics, the New Press, New York, 1985 pp99-115

Harold H. Titus, Marilyn S. Smith, Richard T. Nolan, Persoalan-persoalan Filosofat, alihbahasa oleh Prof Dr H.M. Rasjidi, Bulan Bintang, Jakarta, Indonesia, 1984, pp328-331

Manu Sikana, Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme, Siri Kajian Fajar Bakti, Shah Alam, 1998 pp22-24

Robert Williams, Conceptual Realism; In the Service of the Hypothetical, Fantagraphics Books, Inc, Washington, 2009, pp9-11

S. Roomai Nor, Filem Sebagai Penyata Kebudayaan Kebangsaan, Asas Kebudayaan Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Perchetakan MAS, Kuala Lumpur, 1973, pp355-367

P. Ramlee the Legend Malay Artist. Retrieved May 4, 2011 from squidoo.com P. Ramlee. 11. P. Ramlee, Wikipedia, the free encyclopedia. Retrieved May 4 2011 from en.wikipedia.org/wiki/P._Ramlee.



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 30 Ogos 2022



YBhg. Profesor Ts Sr Dr Md Yusof Hamid, PMP, AMP
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak

YBhg. Profesor

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORY INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Perpustakaan ingin memohon kelulusan YBhg. Profesor untuk membuat imbasan (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repotori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna Perpustakaan terhadap semua bahan penerbitan UiTM melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak YBhg. Profesor dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar

SITI BASRIYAH SHAIK BAHRUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

PROFESOR DR DR MD YUSOF HAMID, PMP, AMP
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR